

TARIKH : 12/2/23
SURAT KHABAR : Sinar Ahad
MUKA SURAT : 27

SINAR AHAD | 12 FEBRUARI 2023

NASIONAL | 27

Perkeso sasar 500,000 carum SKSSR


Lebih 140,000 telah mencarum sejak program itu diperkenalkan pada 1 Disember 2022

Oleh NAZRIN ZULKAFLI
KUALA LUMPUR

Kementerian Sumber Manusia (KSM) melalui Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) menyasarkan seramai 500,000 suri rumah mencarum di Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah (SKSSR) pada tahun 2023.

Menteri Sumber Manusia, V Sivakumar berkata, sejak dilaksanakan pada 1 Disember 2022 lalu, sejumlah 141,144 golongan sasaran itu telah mencarum di bawah skim itu.

Menurutnya, daripada jumlah tersebut, seramai 135,281 individu berdaftar dengan e-Kasih dan mencarum dengan i-Suri Kumpulan Wang Simpanan Dakwa (KWS) dan ia ditaja



Sivakumar (tiga dari kiri) dan Anwar (tiga dari kanan) ketika merasmikan pelancaran Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah dan Karnival Kerjaya MYFutureJobs 2023.

di bawah peruntukan Bajet 2022.

"KSM dengan kerjasama pelbagai pihak akan terus melaksanakan aktiviti libat urus, program kesedaran, promosi dan sebagainya bagi memastikan rakyat Malaysia memahami tentang SKSSR dan perlindungan yang disediakan.

"Dengan sokongan padu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim serta pelancaran rasmi SKSSR pada hari ini, saya percaya pihak KSM dan Perkeso dapat mencapai sasaran

tahun ini," katanya.

Beliau berkata demikian semasa pelancaran Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah dan Karnival Kerjaya MYFutureJobs 2023 yang dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada Sabtu.

Hadir sama, Timbalan Menteri Sumber Manusia, Mustapha Sakmud.

Tambah Sivakumar, SKSSR di bawah Akta Keselamatan Sosial Suri Rumah 2022 (Akta 838) diperkenalkan bagi me-

Bencana Domestik dan Perlindungan Kelestan kepada lebih tiga juta suri rumah.

Menurut beliau, semua suri rumah berusia bawah 55 tahun yang menguruskan rumah tangga sepenuh masa atau separuh masa, berkahwin atau bujang, layak menyertai skim itu.

"Hanya dengan RM120 jumlah caruman untuk tempoh 12 bulan yang dibayar secara terlebih dahulu, suri rumah akan dilindungi SKSSR.

"Skim ini menyediakan pelbagai faedah seperti Faedah

Perubatan dan Pemulihan, Elaun Keuzuran, Bantuan Dialisis, Pencen Penakat dan Faedah Pengurusan Mayat," ujarnya.

Mengenai Karnival Kerjaya MYFutureJobs, beliau berkata, lebih 13,000 jawatan kosong ditawarkan kepada pencari kerja.

Jelasnya, ia melibatkan lebih 140 majikan yang merentasi pelbagai sektor dan industri.

Tambah Sivakumar, penganguran program itu adalah sebagai platform yang kondusif untuk menghubungkan majikan dan pencari kerja di bawah satu bumbung bagi memudahkan carian dan pelaksanaan padanan pekerjaan yang efisien.

"Harapan saya pada satu hari nanti, semua majikan akan berdaftar dengan MYFutureJobs dan menawarkan pekerjaan kepada semua graduan dan golongan lepasan sekolah tempatan yang sedang mencari pekerjaan," ujarnya.

Jelas beliau, sehingga 31 Disember 2022, daripada 879,601 jumlah pencari kerja yang berdaftar, lebih 294,044 telah berjaya ditempatkan da-